

Penggunaan Modeling Dalam Pengajaran Pola Ayat

Nurhasliza Hashim

nurhasliza_hashim@schools.gov.sg

Daing Noor Ashikin Bahnan

daing_noor_ashikin_bahnan@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Admiralty

Abstrak

Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran yang dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa. Berdasarkan pemantauan guru dan hasil kerja harian murid, guru mendapati bahawa kebanyakan murid yang melalui peralihan daripada Darjah 2 kepada Darjah 3 tidak dapat membina ayat dengan baik. Ayat-ayat yang dibina ternyata tidak mengikut pola ayat bahasa Melayu. Hal ini menjadikan mutu ayat murid secara lisan dan juga tulisan. Oleh sebab itu, satu kajian telah dijalankan untuk meneliti keberkesanan teknik modeling atau tunjuk cara dalam pengajaran dan pembelajaran membina ayat. Pengajaran membina ayat ini dijalankan secara berperingkat mengikut jenis-jenis pola ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu dan berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan pakej Cekap. Teknik modeling merupakan perancang bagi membantu murid memahami cara yang lebih mudah dan jelas dalam membina ayat. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa murid dapat memahami penerangan yang diberikan dengan lebih baik dengan menggunakan teknik modeling.

Kata Kunci: kemahiran menulis, pola ayat, teknik modeling, perancang

PENGENALAN

Kemahiran menulis merupakan salah satu daripada kemahiran berbahasa yang perlu diajarkan kepada setiap murid. Dalam kemahiran menulis itu sendiri, keupayaan membina ayat adalah tahap asas yang perlu dikuasai murid.

Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting bagi memupuk kemahiran menulis ini dalam diri murid. Penggunaan teknik yang mudah dan jelas sudah pasti dapat membantu murid untuk meningkatkan keupayaan mereka membina ayat dengan lebih baik lagi. Guru juga harus memastikan bahawa murid dapat mempelajari sesuatu yang bermakna dalam setiap pembelajaran yang mereka lalui.

Sejajar dengan pengajaran secara eksplisit, guru-guru menggunakan teknik modeling ini sebagai cara menyampaikan pengajaran membina ayat dengan lebih berkesan dan mudah lagi. Konsep '*I do, We do and You do*' ini merupakan perancah untuk membantu murid-murid menjadi murid yang dapat belajar secara kendiri.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umum, murid Darjah 3 di sekolah lebih gemar bertutur dalam bahasa Inggeris sesama rakan. Dengan secara tidak langsung, pembinaan kosa kata dan ayat dalam bahasa Melayu mereka juga turut terjejas. Hal ini diburukkan lagi dengan keselesaan mereka membaca bahan bacaan Inggeris dan kurangnya membaca buku Melayu. Ayat-ayat yang mereka bina boleh dikatakan tidak menepati pola ayat bahasa Melayu. Kebanyakannya bercampur-aduk dengan struktur bahasa percakapan bahasa Inggeris dan bahasa pasar.

Ayat-ayat yang dibina didapati mengandungi banyak kesilapan struktur bahasa Melayu dan tidak mengikut pola ayat yang tepat. Guru pengkaji berasaskan bahawa kemahiran membina ayat perlu ditekankan pada murid terutama sekali murid di peringkat Darjah 3 mengukuhkan asas penguasaan membina ayat. Berpandukan tahap-tahap kemahiran yang telah ditetapkan dalam sukan pelajaran, guru pengkaji berpendapat bahawa kelemahan murid membina ayat sebagai satu masalah yang harus diselidiki dan ditangani. Jika pemahaman murid terhadap jenis-jenis pola ayat dapat dibina dan dikukuhkan, sudah pasti kemahiran mereka membina ayat juga akan menjadi lebih mantap apabila murid berada di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Oleh itu, guru-guru menggunakan teknik modeling sebagai perancah

untuk membantu murid memahami cara membina ayat dengan lebih jelas menggunakan pola-pola ayat dalam bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid membina ayat menggunakan pola ayat yang pelbagai; dan
2. menilai keberkesanannya penggunaan teknik modeling dalam membantu murid membina ayat.

KAJIAN LEPAS

Pelbagai dapatan kajian berkaitan teknik modeling telah pun dibincangkan oleh para pengkaji lain. Kesemuanya mengakui keberkesanannya teknik modeling dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Teknik ini dapat digunakan merentas disiplin dan merangkumi setiap peringkat dan keupayaan. Modeling dapat memberikan contoh kepada murid tentang perkara yang perlu dilakukan bagi mendapatkan jawapan yang dikehendaki. Modeling sebagai perancah merupakan salah satu jenis teknik yang telah dikenalpasti oleh para pengkaji. Menurut Baldwin et. all. (2006), guru boleh memodelkan sesuatu tugas seberapa banyak kali untuk murid-murid yang tidak mempunyai keupayaan belajar

Teknik modeling ini juga boleh digunakan oleh guru untuk melibatkan murid yang sudah mahir dalam sesuatu konsep untuk memodelkan pembelajaran itu kepada rakan-rakan mereka. Hal ini ditekankan oleh Haston (2007) dalam dapatan kajian yang dijalankan. Ternyata perkara seperti ini dapat dilihat semasa kajian teknik modeling ini dijalankan di dalam kelas melalui salah satu aktiviti berkumpulan. Seorang murid yang kelihatan telah faham akan pola ayat yang diajarkan telah memodelkan satu contohan kepada ahli kumpulannya yang lain.

Olenka Bilash (2011) menyatakan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan haruslah mempunyai kegunaan dan bermakna kepada pembelajaran seseorang murid. Murid tersebut harus menjadikan setiap pembelajaran itu sesuatu yang mendarangkan manfaat kepada dirinya. Berpandukan usaha perancah yang guru sediakan, murid dapat mendalamai pemahaman mereka dengan lebih jelas lagi. Teknik modeling dapat menarik minat murid dan menggalakkkan pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Bandura (1986).

Teknik modeling atau tunjuk cara ini juga merupakan satu aktiviti mengajar atau *teaching action* yang terdapat dalam Amalan Pengajaran Singapura (Singapore Teaching Practice - STP). Teknik modeling ini disarankan sebagai aktiviti yang mampu membantu guru dalam memberikan penerangan yang jelas kepada murid dalam proses pelaksanaan pelajaran.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan Kajian Tindakan. Data dalam kajian ini dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Selain meneliti kertas jawapan murid, pemantauan guru terhadap respons murid Darjah 3 dalam melaksanakan teknik modeling turut diambil kira. Dalam kajian ini, teknik modeling digunakan sebagai perancah oleh guru dalam pengajaran membina ayat berpandukan empat jenis pola ayat. Setelah menunjukkan cara-cara mengenal pasti jenis-jenis pola ayat, murid kemudiannya menggantikan perancah tersebut dengan frasa-frasa mereka sendiri.

Selanjutnya, murid-murid dikehendaki membina ayat mereka sendiri dengan berpandukan pola ayat yang diberikan pada setiap pelajaran. Perancah yang diberikan mengikut tahap keupayaan murid yang termasuk dalam kumpulan praras, pada aras dan melebihi aras keupayaan. Jawapan murid dianalisis untuk mengenal pasti pencapaian mereka pada akhir pengajaran mengenai pola ayat.

Kajian ini memberikan penekanan kepada beberapa elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan. Empat proses pengajaran yang disarankan dalam STP diambil kira dan penekanan diberikan kepada aspek Pelaksanaan Pelajaran, dan Penilaian dan Maklum Balas.



Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP17: Memberikan Penerangan yang jelas (Modeling)	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru menerangkan bahawa ayat terdiri daripada Subjek + Predikat. Guru memberikan tiga contoh ayat dan meminta murid untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam ketiga ayat FN + FN tersebut.
Penilaian dan Maklum Balas (berterusan)	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Guru menyemak hasil kerja murid dan memberi maklum balas yang sesuai Jika terdapat murid yang mengisikan jawapan yang salah, guru akan mendapatkan pendapat daripada murid-murid lain.
Penerangan dan Justifikasi	Dalam Aspek Pengajaran yang dipilih, Aktiviti Mengajar yang digunakan diteliti bagi memastikan murid terlibat aktif dalam proses pembelajaran dan membantu dalam pemahaman yang mendalam tentang topik yang dipelajari.	

Dalam pelajaran yang dirancang dan dilaksanakan, teknik modeling dipilih untuk membolehkan guru memberikan penerangan yang jelas dan membantu proses pemahaman dan pembelajaran murid. Dengan melaksanakan proses pengajaran yang berstruktur ini, murid didapati mudah memahami pelajaran yang diperkenalkan. Selain itu, murid berpeluang untuk menaakul dan meneliti perbezaan dan persamaan semasa melakukan aktiviti berkumpulan. Dalam kajian ini juga, contoh-contoh diberikan bagi memberikan penerangan yang jelas kepada murid semasa mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dengan membina ayat-ayat mereka sendiri berdasarkan pola-pola yang yang dipelajari.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 22 orang murid Darjah 3 daripada pelbagai keupayaan iaitu kumpulan praras, pada aras dan melebihi aras keupayaan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah termasuk bahan-bahan PdP yang guru sediakan sebagai bahan penerangan dan penilaian yang berkaitan dengan pola ayat FN + FN / FN + FK / FN + FA / FN + FS. Guru juga menyediakan lembaran kerja berkumpulan dan kendiri. Respons murid semasa perbincangan turut dinilai untuk memantau pemahaman dan kelakonan murid semasa membina ayat.

Ayat-ayat yang dibina selepas setiap pelajaran dan juga kertas karangan SA2 turut digunakan untuk mengenal pasti pemahaman murid. Guru juga mengambil kira respons murid melalui alat penilaian kendiri sebagai maklum balas tentang keberkesanan kaedah yang digunakan dalam pengajaran.

Prosedur Kajian

Guru menggunakan teknik modeling dalam pengajaran. Guru menunjukkan kepada murid pola-pola ayat yang sedia ada. Kemudian, guru membimbang murid mengenal pasti bentuk pola ayat tersebut yang terbahagi kepada 4 jenis:

1. FN + FN (Frasa Nama + Frasa Nama)
2. FN + FK (Frasa Nama + Frasa Kerja)
3. FN + FA (Frasa Nama + Frasa Adjektif)
4. FN + FS (Frasa Nama + Frasa Sendi)

Setelah mengenal pasti jenis-jenis frasa yang digunakan dalam setiap pola ayat, murid akan menggantikan frasa-frasa itu dengan frasa mereka sendiri secara berkumpulan. Dalam aktiviti ini guru akan memantau pemahaman murid semasa mereka berbincang dengan ahli kumpulan masing-masing tentang frasa sesuai yang harus digunakan. Setelah guru memberikan maklum balas terhadap jawapan berkumpulan yang berikan oleh murid, murid diberikan latihan membina ayat secara individu.

Dalam pengajaran yang dilaksanakan, guru juga melaksanakan pengajaran pembezaan bagi memastikan setiap murid daripada keupayaan yang berbeza mampu melaksanakan tugas yang diberikan sesuai dengan tahap keupayaan masing-masing. Dalam lembaran kerja kendiri yang disediakan, terdapat tiga jenis soalan bagi ketiga-tiga tahap murid. Terdapat soalan bagi kumpulan praaras keupayaan yang diberikan gambar dan murid perlu mengisi tempat kosong. Soalan kedua pula berbentuk mengisi tempat kosong bagi murid pada aras kebolehan. Soalan terakhir hanya mengandungi pola ayat sahaja contohnya FN + FN dan murid perlu membina ayat mereka sendiri. Perkara ini dilakukan sesuai dengan pegangan teras dalam falsafah

kurikulum Singapura bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar. Murid berjaya melaksanakan tugas yang diberikan dan terangsang untuk terlibat aktif dalam proses pembelajaran seterusnya.

Berikut adalah contoh perancah yang disediakan bagi memberikan penerangan yang jelas tentang pola ayat yang diperkenalkan.

Jadual 2: Contoh Ayat Sebagai Perancah yang Digunakan Guru

Subjek	Predikat
Pemandu bas itu	Encik Ali.
Pemandu bas itu	jiran saya.
Pemandu bas itu	kawan saya.

Jadual 3: Contoh Templat sebagai Perancah

FN	FN
Budak itu	

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, murid-murid telah menunjukkan sikap yang positif semasa memberikan respons. Suasana pembelajaran yang selamat dan menyeronokkan membantu murid untuk terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru. Murid berupaya menerangkan sebab dan alasan bagi jawapan yang mereka berikan. Sebagai contoh, ‘pemain bola’ dalam ayat ‘Aiman pemain bola’. Murid menjelaskan bahawa ayat tersebut menggunakan pola ayat FN + FN sebab dalam frasa ‘pemain bola’ mengandungi kata nama. Murid didapati lebih yakin dan memahami bentuk pola ayat FN + FN.

Secara umum, murid boleh menjelaskan jenis ayat menggunakan pola ayat FN+FN atau FN+FK yang dibina. Namun, ada juga murid yang kelihatan

keliru apabila pelajaran pola ayat FN + FK diperkenalkan kepada mereka. Pada mulanya, mereka terdorong untuk membina ayat yang mengandungi pola FN + FN yang telah mereka pelajari pada pelajaran sebelumnya. Namun, setelah guru menjalankan teknik modeling sekali lagi, murid mula faham akan perbezaan kedua-dua pola ayat tersebut. Berikut merupakan contoh ayat-ayat yang dihasilkan oleh murid.

Contoh ayat murid menggunakan FN + FN

1. Adi jiran saya.
2. Aiman murid darjah tiga.
3. Sakinah kawan baik saya.
4. Jiran saya pemandu bas.

Contoh ayat murid menggunakan FN + FK

1. Adi memandu kereta.
2. Ana mencuci pinggan.
3. Ayah saya memandu bas.
4. Aiman sedang bermain bola.

Guru meneruskan pengajaran menggunakan teknik modeling bagi pengajaran pola-pola ayat yang seterusnya. Selepas peperiksaan SA2, guru kemudian meneliti hasil penulisan murid dalam kertas jawapan bagi peperiksaan. Dalam penulisan karangan bagi peperiksaan SA2, murid didapati berupaya membina ayat-ayat menggunakan pelbagai pola yang telah dipelajari. Contohnya:

1. Dia seorang penyanyi.
2. Aliyah sungguh gembira.
3. Aliyah gemar menyanyi.
4. Aliyah di belakang pentas.
5. Suara Ana sangat merdu.
6. Farah menyanyi di hadapan pengadil.

Setelah melalui proses pengajaran, murid didapati mampu membina ayat-ayat yang pelbagai menggunakan jenis pola ayat yang berbeza dan memahami perbezaan antara jenis ayat yang dibina menggunakan pola ayat yang berbeza.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa teknik modeling membantu murid memahami cara membina ayat dengan lebih mudah dan jelas. Teknik ini banyak membantu murid pada aras dan praaras keupayaan untuk membina ayat dengan lebih yakin. Teknik modeling jelas membantu murid memahami konsep yang diajarkan dan meningkatkan pelibatan aktif murid dalam proses pembelajaran. Penerapan STP yang menyeluruh dalam proses pengajaran baik di peringkat perancangan atau pelaksanaan mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang aktif, menyeronokkan dan berkesan dalam meningkatkan pemahaman murid dalam pembelajaran.

Namun begitu, masih ada ruang bagi kajian selanjutnya yang boleh dilakukan dalam pembinaan ayat terutama sekali ayat kompleks. Oleh sebab penguasaan kosa kata yang terhad memandangkan latar belakang kebanyakan murid yang tidak banyak membaca bahan bacaan bahasa Melayu, ada kalanya ayat-ayat murid tidak begitu menepati pola ayat yang telah diajarkan. Proses aplikasi dan refleksi yang dicadangkan dalam STP memberi ruang kepada guru untuk sentiasa memperbaik proses dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai langkah selanjutnya, guru akan terus menggunakan teknik modeling bagi pengajaran pola-pola ayat yang seterusnya. Teknik modeling ini juga akan digunakan sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran aspek tatabahasa yang lain.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Hamimah Ansor
2. Khatijah Che Din
3. Norfahizah Abdul Majid
4. Sanisah Salam

RUJUKAN

Baldwin, M., Keating, J. and Bachman, K. (2006) Teaching in Secondary Schools: Meeting the Challenges of Today's Adolescents. Upper Saddle River NJ: Pearson.

Bandura, A. (1986) Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive. Englewood Cliffs NJ: Prentice Hall.

EXEL (1996) Writing Frames. Exeter: University of Exeter School of Education.

Dr Olenka Bilash, (2011) [https://sites.educ.ualberta.ca/staff/olenka.bilash/
Best%20of%20Bilash/bslim%20overview.html](https://sites.educ.ualberta.ca/staff/olenka.bilash/Best%20of%20Bilash/bslim%20overview.html)

